

**SENARAI PERTANYAAN BUKAN LISAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA, PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB TUAN YAMANI HAFEZ BIN MUSA
(SIPITANG)**

SOALAN

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan persediaan Malaysia memanfaatkan potensi ekonomi daripada rancangan pemindahan ibukota Indonesia dari Jakarta ke Kalimantan Timur yang lebih dekat dengan negara kita terutama Sabah dan Sarawak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Indonesia merupakan rakan dagangan ke-9 terbesar Malaysia dengan jumlah perdagangan sebanyak RM72.4 bilion (eksport: RM31.9 bilion; import: RM40.5 bilion) iaitu 3.8% daripada jumlah perdagangan negara pada tahun 2018. Pemindahan pusat pentadbiran Indonesia dari Jakarta ke Kalimantan dijangka menyediakan peluang ekonomi yang boleh dimanfaatkan oleh Sabah dan Sarawak dari segi peningkatan aktiviti ekonomi serta hubungan dagangan dan pelaburan. Selain itu, perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dijangka memperoleh akses pasaran baharu, mewujudkan peluang pekerjaan dan menarik lebih ramai pelancong.

2. Pada tahun 2018, negeri Sabah telah mencatat pertumbuhan ekonomi sebanyak 1.5%, manakala negeri Sarawak pula telah berkembang sebanyak 2.0%. Pertumbuhan yang dicatatkan oleh kedua-dua negeri ini adalah lebih perlahan berbanding negeri-negeri lain. Pemindahan pusat pentadbiran Indonesia dari Jakarta ke Kalimantan dapat memacu pertumbuhan ekonomi Sabah dan Sarawak yang

bersempadan dengan Kalimantan. Seiring dengan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030, penekanan yang lebih besar akan diberi untuk memastikan pembangunan wilayah yang seimbang dengan mempelbagaikan lagi asas ekonomi dan membangunkan aktiviti ekonomi.

3. Dalam konteks hubungan sedia ada, di bawah platform Kawasan Pertumbuhan ASEAN Timur Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia-Filipina (BIMP-EAGA), pelbagai perkara dibincangkan khususnya untuk meningkatkan kesalinghubungan (*connectivity*) antara wilayah dan juga mengurangkan jurang kemiskinan antara penduduk wilayah BIMP-EAGA. Dokumen *BIMP-EAGA Vision 2025* (BEV2025) telah menetapkan halatuju strategik pembangunan kerjasama serantau ini serta menetapkan sasaran untuk menjadi sebuah wilayah yang berdaya saing dan mampan. Di bawah BEV2025, sebanyak 69 Projek Infrastruktur Utama (PIP) telah disenaraikan dengan anggaran kos sebanyak AS\$22.7 bilion untuk dilaksanakan di keempat-empat negara anggota BIMP-EAGA. PIP ini merangkumi projek seperti pembinaan jalan raya, landasan keretapi, pembangunan lapangan terbang dan pelabuhan.

4. Antara usaha yang dilaksanakan melalui platform BIMP-EAGA termasuk penaiktarafan pos sempadan Tebedu, Sarawak dan Entikong, Kalimantan Barat kepada pintu masuk Antarabangsa dan peluasan Pelabuhan Kontena Teluk Sapangar di Sabah untuk merancakkan industri logistik di wilayah ini. Usaha juga diambil bagi menambah baik kesalinghubungan antara wilayah melalui pembinaan Lebuhraya Pan Borneo serta pembinaan jalan menghubungkan Kalabakan dan Serudong di Sabah sepanjang 40 km yang diluluskan peruntukan sebanyak RM600 juta melalui Belanjawan 2020.

5. Dalam usaha mempersiapkan negara ke arah menjalinkan hubungan dua hala yang lebih rapat di antara negeri Sabah dan Sarawak dengan Kalimantan, Kerajaan Persekutuan meneruskan beberapa projek infrastruktur yang dijangka boleh dimanfaatkan oleh negara untuk meningkatkan hubungan dagang di antara Malaysia dan Indonesia.

6. Projek infrastruktur yang sedang dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan Sabah (SEDIA) dan Lembaga Pembangunan Koridor Wilayah (RECODA) seperti Pembesaran Pelabuhan Kontena Sapangar Bay, Kelompok Industri Berasaskan Kelapa Sawit di Lahad Datu dan Sandakan, Taman Perindustrian Samalaju, Pusat Hab Halal Tanjung Manis, dan projek *Baram – Integrated Highland Agriculture Station* dijangka akan memberi lebih banyak peluang perdagangan di antara rakyat Sabah dan Sarawak dengan rakyat Kalimantan, Indonesia.

7. Selain itu, Kerajaan juga turut menyokong usaha RECODA untuk membangunkan kawasan Tunoh sebagai sebuah bandar baharu yang berpotensi untuk dimanfaatkan dengan pemindahan ibu kota Indonesia ke Kalimantan. Dalam hal ini, di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan RM5 juta untuk pelaksanaan Kajian Pusat Bandar Baharu Tunoh. Kajian yang telah siap pada April 2019 ini menunjukkan bahawa Tunoh yang belum diterokai, berpotensi untuk dibangunkan sebagai pusat pertumbuhan ekonomi baharu di Sarawak. Kajian juga mendapati bahawa pelbagai sektor ekonomi termasuk perladangan, pertanian, penternakan dan pelancongan boleh dibangunkan di Tunoh dan mendapat manfaat dengan pembangunan di Kalimantan kelak.

8. Melalui penyediaan infrastruktur yang ditambah baik di negeri Sabah iaitu pembesaran Pelabuhan Sepanggar serta pembangunan taman-taman industri di Sarawak, Kerajaan Negeri boleh mengambil peluang untuk mempromosikan negeri Sabah dan Sarawak sebagai pusat perdagangan utama kepada rakyat Indonesia di Kalimantan. Rakyat Indonesia berpeluang untuk melabur dan memasarkan produk-produk tempatan mereka melalui Sabah dan Sarawak.

9. Dari aspek perancangan pembangunan, di bawah Rolling Plan 4 (2020) RMKe-11, negeri Sabah telah pun diperuntukkan sejumlah RM5 billion bagi melaksanakan sebanyak 148 projek baharu dan 616 projek sambungan melalui pelbagai kementerian. Manakala bagi negeri Sarawak, Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM4.5 billion bagi

NO. SOALAN : 63

melaksanakan sebanyak 37 projek baharu dan 584 projek sambungan melalui pelbagai kementerian.

10. Kerajaan yakin segala usaha tersebut akan dapat membantu Malaysia memanfaatkan perkembangan ekonomi yang akan berlaku sekiranya cadangan Indonesia memindahkan ibu kota ke Kalimantan menjadi kenyataan.

Sekian, terima kasih.